

Malaysia kekal Dasar Pandang ke Timur

BH 20 MAR 2002

Daripada Mahfar Ali

MUNICH, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia masih mengekalkan dasar Pandang ke Timur, di sebalik keadaan ekonomi Jepun yang kini tidak menentu.

Perdana Menteri berkata, jika dulu dasar itu diperkenalkan untuk mempelajari kejayaan Jepun, sekarang pula Malaysia masih belajar dari Jepun untuk tidak melakukan kesilapan yang dilakukan negara itu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan seorang peserta Forum Perniagaan Malaysia-Jerman pada sesi dialog selepas berucap pada majlis itu di sini, petang

semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, perubahan yang hendak dilakukan mana-mana negara sekalipun, tidak seharusnya dilaksanakan secara mendadak kerana ini akan mencetuskan masalah.

Beliau memberi contoh, sesetengah bekas negara komunis secara mendadak mengamalkan sistem pasaran bebas semata-mata untuk melakukan perubahan, tetapi ekonomi negara berkenaan akhirnya lumpuh.

“Bukan kita tidak boleh melakukan perubahan atau menjadi pasaran bebas, tetapi perubahan itu hendaklah dilaksanakan secara perlahan dan berperingkat,” katanya.

Pada sesi dialog itu, Dr Mahathir yang kini dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Jerman, turut ditanya mengenai usaha Malaysia memelihara dan melindungi harta intelektual.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tegas menguatkuasakan undang-undang berkaitan hak cipta dan paten termasuk sentiasa mengadakan serbuan bagi membanteras kegiatan cetak rompak kaset, filem dan sebagainya.

Sementara itu, dalam pertemuan dengan pelajar dan rakyat Malaysia di Jerman, Dr Mahathir berkata, Malaysia membuat keputusan yang tepat dengan membangunkan sektor pembuatan dan industri.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Malaysia masih perlu dimajukan lagi dan ini memerlukan ilmu pengetahuan dan kemahiran baru, terutama dalam bidang sains serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berharap pelajar Malaysia di luar negara akan pulang ke tanah air selepas menamatkan pengajian dan menggunakan ilmu serta kema-

hiran yang dipelajari untuk membantu membangunkan negara.

Kira-kira 200 pelajar dan rakyat Malaysia di Jerman menghadiri majlis itu. Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, turut menyertai rombongan Perdana Menteri.

Malam tadi, Dr Mahathir juga diraikan Ketua Menteri Bavaria, Dr Edmund Stoiber. Dalam ucapannya, Dr Mahathir memuji dasar dan kepimpinan Stoiber yang berjaya menjadikan Bavaria negeri paling makmur di Jerman.

Bavaria yang terletak di selatan Jerman dengan Munich ibu negerinya, menjadi kawasan industri teknologi tinggi terpenting di Jerman. Bavaria turut menempatkan banyak syarikat terkemuka antarabangsa, seperti Siemens dan BMW.

Sebelum berlepas ke Berlin hari ini, Dr Mahathir turut melawat Siemens dan diberi taklimat mengenai perkembangan terkini syarikat itu.